

**TuanKu Nur Zahirah Berkenan Menyempurnakan Konvokesyen UniSZA Ketiga Bernama
17 September , 2011**

KUALA TERENGGANU, 17 Sept (Bernama) -- Yang Dipertuan Agong TuanKu Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong TuanKu Nur Zahirah berkenan berangkat menghadiri istiadat konvokesyen ketiga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini, hari ini.

TuanKu Nur Zahirah ialah Canselor UniSZA.

Baginda berdua diiringi Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said dan Naib Canselor UniSZA Prof Datuk Dr Alias Daud.

Sempena istiadat itu, TuanKu Nur Zahirah selaku Canselor UniSZA antara lain bertitah ilmu pengetahuan adalah sesuatu yang amat berharga dan merupakan amanah yang perlu disebarkan.

Titah Baginda, orang yang berilmu merupakan rahmat kepada masyarakat kerana ilmunya dapat memberi faedah dan kebaikan kepada masyarakat.

"Sehubungan dengan itu, Beta berharap agar semua graduan yang lahir dari gedung ilmu UniSZA dapat memegang dan sentiasa menjunjung amanah yang diterima.

"Segulung ijazah itu hanyalah satu bentuk pertauliahahan akademik, manakala ilmu yang diperolehi adalah merupakan amanah yang amat bernilai harganya. Gunakan ilmu yang diperolehi untuk sentiasa mengajak kepada kebaikan dan jangan buat kerosakan kerana Allah tidak sukakan orang yang berbuat kerosakan di muka bumi," titah baginda.

Baginda juga mengingatkan apabila graduan sudah menjadi seorang pemimpin, jadilah pemimpin yang adil dan amanah dan yang mengutamakan musyawarah dan perbincangan dan bukan yang mendahulukan konfrontasi dan perbalahan.

"Orang yang berilmu itu patuh kepada undang-undang, tegas dalam memperjuangkan hak sendiri namun menghormati dan tidak pula menafikan hak orang lain," titah Baginda.

Baginda bertitah, bersederhana dalam perbuatan dan pertuturan tidak bermakna sederhana dalam pencapaian atau sekadar cukup makan.

"Kita tetap perlu mengejar kecemerlangan dan menjadi masyarakat yang berprestasi tinggi dan kita perlu kreatif serta berinovatif untuk bersaing dalam masyarakat dunia," titah Baginda.

Baginda bertitah graduan juga perlu menggunakan ilmu yang ditimba dan kemahiran yang diperolehi untuk kebaikan dan kejayaan dan berharap kemahiran insaniah khususnya kemahiran pelbagai bahasa yang diperolehi menjadi nilai tambah dan persediaan ke alam pekerjaan.

Pada istiadat konvokesyen itu, seramai 1,168 graduan menerima ijazah sarjana, sarjana muda dan diploma masing-masing.

Daripada jumlah itu, 464 graduan menerima ijazah sarjana muda, diploma (703) dan

seorang graduan menerima Ijazah Sarjana Sains, iaitu graduan siswazah sulung dari UniSZA.

Sementara itu, dalam ucapannya, Dr Alias berkata UniSZA beriltizam melebarkan jaringan antarabangnya dengan mengadakan kerjasama persefahaman dengan beberapa universiti di China dan Timur Tengah dalam bidang akademik, kebudayaan dan penyelidikan.

"Kita juga akan bekerjasama dengan beberapa universiti di Thailand dan Jepun dalam hal yang sama. UniSZA turut mengadakan perjanjian persefahaman dengan McGill University di Kanada bagi membina sebuah hospital pelatih perubatan dan kemudahan teleperubatan.

"Pada tahun ini seramai 30 pelajar dan enam staf UniSZA terlibat dalam program mobiliti di Vietnam dan Thailand dan semua ini adalah sebahagian daripada usaha mengantarabangsa dan mentransformasi UniSZA," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=614039>